

## MSM akan perkenal produk baharu berasaskan gula untuk kesihatan

**PADANG BESAR** – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) bakal memperkenalkan produk berasaskan gula yang mengandungi manfaat kesihatan, dalam usaha meningkatkan lagi perolehan syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, produk itu bagaimanapun masih di peringkat kajian bersama pasukan penyelidikan dan pembangunan syarikat induk.

“Produk berkenaan dijangka diperkenalkan pada suku ketiga atau suku keempat tahun ini.

“Kami tahu masyarakat telah bersedia dan mahukan produk berasaskan kesihatan. Ramai yang mahu produk gula yang tidak menyebabkan kencing manis, obesiti dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan mesin penyejuk air kepada 10

sekolah oleh Kumpulan MSM di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Keteri di sini semalam.

MSM mengeluarkan gula bertapis putih pelbagai saiz sehingga gula perang halus yang dijual dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama Gula Perai.

Khairil Anuar menjelaskan, produk baharu tersebut dijangka membawa kepada peningkatan perolehan syarikat.

Beliau berkata, selain itu, perbincangan secara berterusan dengan kerajaan mengenai masalah yang dihadapi pengeluar industri akan dipergiatkan dari semasa ke semasa sebagai pengeluar gula di negara ini.

“Kerajaan menentukan segala bentuk dasar negara, jadi kami akan terus berunding dengan mereka (kerajaan). Kerajaan sentiasa mendengar masalah pengeluar industri,” katanya.

– Bernama



04 Jul 2019

Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Niaga • Page: 45 • Printed size: 147.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,937.00  
Item ID: MY0036501038

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 2 of 2

## SUMMARIES

PADANG BESAR - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) bakal memperkenalkan produk berasaskan gula yang mengandungi manfaat kesihatan, dalam usaha meningkatkan lagi perolehan syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, produk itu bagaimanapun masih di peringkat kajian bersama pasukan penyelidikan dan pembangunan syarikat induk. "Produk berkenaan dijangka diperkenalkan pada suku ketiga atau suku keempat tahun ini." Kami tahu masyarakat telah bersedia dan mahukan produk berasaskan kesihatan.